



Headline: PDRM lancar infoline CCID
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 17 April 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 10

PDRM lancar infoline CCID

KUALA LUMPUR 16 April - Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman memperkenalkan infoline CCID khusus untuk memudahkan orang awam menyalurkan maklumat, aduan atau pertanyaan yang melibatkan jenayah komersial.

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Mazlan Mansor berkata, medium tersebut bertujuan menambah baik sistem penyampaian melalui perkhidmatan yang cepat dan tepat kepada masyarakat selain memudahkan orang ramai menyemak serta mendapatkan pengesahan berkenaan kes jenayah komersial.

Ujarnya, infoline ini juga bertujuan menyemak laporan polis yang dibuat serta mendapatkan perkembangan kes dan bagi memudahkan penyaluran maklumat kes-kes jenayah komersial khususnya jenayah bersindiket seperti penyamaran Macau Scam, jenayah e-dagang, tipu pinjaman tidak wujud dan pemalsuan dokumen.

"Infoline ini beroperasi melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dan WhatsApp sahaja ke talian 013-211 1222 bermula pukul 8 pagi hingga 12 tengah malam, setiap hari. Maklum balas setiap aduan, maklumat atau pertanyaan yang diterima akan diberikan dalam tempoh terdekat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah beliau, orang ramai juga dinasihati menyemak status penglibatan jenayah dengan melayari laman web semak mule di <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> sebelum mengambil tindakan selanjutnya.